

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2020)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL
[KULIM BANDAR BAHARU]**

TARIKH : 16 JULAI 2020 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Lembaga Tabung Haji akan mengekalkan subsidi kos mengerjakan haji.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga kini semua jemaah haji Muassasah yang menunaikan haji kali pertama adalah layak untuk menerima Bantuan Haji daripada Lembaga Tabung Haji (**TH**), termasuk pengiring dan mereka yang merayu bagi tahun ini.

Kos menunaikan haji (Kos Haji) sebenar untuk jemaah haji Muassasah bagi Musim Haji 1441H/2020M adalah sebanyak RM22,900 seorang. Manakala Bayaran Haji bagi jemaah haji Muassasah yang menunaikan haji buat pertama kali (iaitu jumlah Kos Haji ditolakkan dengan Bantuan Haji) adalah kekal pada RM9,980 seorang. Ini bermakna **TH** menanggung Bantuan Haji sebanyak RM12,920 seorang untuk setiap jemaah yang layak.

NO. SOALAN : 13

Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, pada 11 Jun 2020 yang lalu, Kerajaan Malaysia telah membuat keputusan untuk menangguhkan penghantaran bakal haji Malaysia ke Tanah Suci kerana wabak jangkitan Covid-19 bagi menjaga keselamatan, kesihatan dan kesejahteraan mereka. Kerajaan Arab Saudi juga pada 22 Jun 2020 telah memaklumkan bahawa ibadat haji tahun ini hanya akan diteruskan dengan bilangan jemaah haji yang terhad dan dibenarkan kepada mereka yang berada di Arab Saudi sahaja. Sehubungan dengan penangguhan ibadat haji untuk semua rakyat Malaysia pada tahun ini, tiada Bantuan Haji diberikan oleh **TH** bagi Musim Haji 1441H/2020M. **TH** juga telah mengembalikan wang Bayaran Haji kepada semua bakal jemaah yang telah membuat bayaran tersebut.

Kerajaan ingin menegaskan bahawa segala dasar yang dilakukan berkenaan Bayaran Haji adalah kekal dan tiada sebarang perubahan dasar akan dilakukan. Kerajaan akan terus mengutamakan kepentingan rakyat khususnya umat Islam dalam melunaskan niat mereka sebagai pendeposit Tabung Haji untuk menunaikan ibadat haji di Tanah Suci.

Sekian. Terima kasih.